

ANALISIS CABARAN KOMUNIKASI GURU TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) MURID ORANG KURANG UPAYA PEMBELAJARAN (MOKUP)

ANALYSIS OF TEACHERS' COMMUNICATION CHALLENGES TOWARDS TEACHING AND LEARNING (PDP) OF STUDENTS WITH LEARNING DISABILITIES (MOKUP)

Nurutthoilah Mohd Nabil^{1*}

Hidayatul Sakinah Mohd Zulkifli²

Nurul Husna Roslan³

Noor Alieah Atikah Shatirah Zulatip⁴

Fatin Hanani Mohd Fazil⁵

¹ Sekolah Kebangsaan Seksyen 7, Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

(E-mail: g-62575986@moe-dl.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Shah Alam, Selangor, Malaysia.

(E-mail: 2019803586@uitm.edu.my)

³ Faculty of Education & Social Sciences, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia.

(E-mail: nurulhusna@unisel.edu.my)

⁴ Faculty of Education & Social Sciences, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia.

(E-mail: nurdiploma@gmail.com)

⁵ Faculty of Education & Social Sciences, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia.

(E-mail: fatinhanani919@gmail.com)

*Corresponding author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Mohd Nabil, N., Mohd Zulkifli, H. S., Roslan, N. H., Zulatip, N. A. A. S., & Mohd Fazil, F. H. (2025). Analisis cabaran komunikasi guru terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Murid Orang Kurang Upaya Pembelajaran (MOKUP). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 843 - 855.

Abstrak: Komunikasi merupakan asas dalam menghubungkan sesuatu perhubungan atau pertalian antara masyarakat. Komunikasi merupakan kunci utama dalam kehidupan seharian termasuklah komunikasi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pelaksanaan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan guru PPKI dapat membantu murid orang kurang upaya pembelajaran (MOKUP) dalam pendidikan. Namun begitu, terdapat segelintir guru yang mengajar MOKUP kurang mempunyai pengetahuan atau pengalaman asas berkaitan Pendidikan Khas seperti kaedah pengendalian dan kaedah komunikasi yang efektif. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka pengalaman komunikasi guru terhadap PdP MOKUP, mengkaji kaedah komunikasi guru terhadap PdP MOKUP dan mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru terhadap PdP MOKUP. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual separa berstruktur dan triangulasi data berdasarkan pemerhatian (participant-observation). Data yang diperolehi akan dianalisis berdasarkan tema dan kod yang sesuai dengan menggunakan perisian ATLAS.ti 24. Hasil kajian telah memperlihatkan

bahawa guru mempunyai cabaran terhadap komunikasi dalam proses PdP MOKUP. Input kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sekolah, guru-guru dan komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) dalam meningkatkan keberkesanan strategi komunikasi dan interaksi dalam PdP serta sebagai rujukan bagi merancang pendekatan yang lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan MOKUP.

Kata Kunci: *Komunikasi, Cabaran Guru, PPKI, PdP, MOKUP*

Abstract: *Communication serves as the foundation for establishing and maintaining relationships within communities. Communication is the main key in everyday life, including communication that involves the teaching and learning process (TaL). Implementing the Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) and PPKI teachers can help students with learning disabilities in education (MOKUP). However, there are a few teachers who teach MOKUP who lack basic knowledge or experience related to special education, such as effective management methods and communication methods. The purpose of this study is to explore the communication experience of teachers towards TaL MOKUP, examine the communication methods of teachers towards TaL MOKUP, and identify the challenges teachers face towards TaL MOKUP. This study uses a qualitative approach through semi-structured interviews and data triangulation based on participant observation. The data obtained will be analyzed based on appropriate themes and codes using the ATLAS.ti software 24. The study results have shown that teachers have challenges with communication in the TaL process. The input from this study is expected to provide guidance to the Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), schools, teachers, and the community of persons with disabilities in enhancing the effectiveness of communication and interaction strategies in TaL, as well as serving as a reference for planning more inclusive and responsive approaches to MOKUP.*

Keywords: *Communication, Challenges Teachers, PPKI, TaL, MOKUP*

Pengenalan

Setiap individu berhak mendapat pendidikan kerana pendidikan penting dalam membentuk kehidupan seseorang individu tanpa mengira kebolehan fizikal atau mental mereka. Pelan Pembangunan Pendidikan (2020-2025) bertujuan memastikan semua institusi pendidikan menyediakan kemudahan dan sistem sokongan terhadap pendidikan yang berterusan bagi murid orang kurang upaya pembelajaran (MOKUP) (Salleh & Woollard, 2021). Perkara ini juga digariskan dalam Akta Pendidikan Khas (1996), yang turut memperincikan Program Pendidikan Khas di Malaysia. Maka guru-guru yang terlibat dalam pelaksanaan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) merupakan individu penting dalam menyokong serta membimbing MOKUP untuk mencapai potensi mereka dalam pendidikan.

Guru merupakan kumpulan yang bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan kepada MOKUP. Namun begitu, guru berdepan dengan pelbagai cabaran yang menggugat ketahanan dan keupayaan mereka dalam berkomunikasi dengan MOKUP. Hal ini disebabkan kerana MOKUP terdiri daripada pelbagai jenis kategori seperti lembam, autisme, sindrom down, terencat akal, hiperaktif dan sebagainya. Menurut Brussino (2020) & Roslan et al. (2006), MOKUP dikategorikan sebagai kanak-kanak yang memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berbeza daripada murid tipikal. Mereka tidak akan mudah untuk memahami jika guru mengajar menggunakan kaedah pengajaran yang sama seperti murid tipikal.

Komunikasi adalah proses di mana seseorang itu bertukar idea dan maklumat. Komunikasi melibatkan bahasa, intonasi, penekanan suara dan gaya pertuturan. Selain itu, komunikasi boleh terjadi melalui isyarat seperti gerak badan, kontak mata dan ekspresi wajah yang dapat menggambarkan emosi dan sikap penyampai agar memberi kesan kepada penerima. Berdasarkan kajian oleh Williams et al. (2021) maklumat yang disampaikan perlu diterima dan saling memahami. Oleh itu, pengkaji ingin meneroka secara mendalam tentang pengalaman komunikasi guru dan kaedah komunikasi guru terhadap PdP MOKUP. Selain itu, pengkaji ingin mengetahui secara mendalam berkaitan dengan cabaran guru dalam mengajar MOKUP serta menghargai pengorbanan mereka dalam mendidik dan membimbing murid-murid istimewa ini.

Permasalahan Kajian

Komunikasi yang berkesan antara guru dan MOKUP merupakan elemen penting dalam menyampaikan informasi yang sesuai dan mudah difahami oleh MOKUP. Penyampaian yang berkesan dapat dipengaruhi melalui pengalaman guru tersebut. Guru yang tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman berkaitan Pendidikan Khas akan menghadapi kesukaran dalam berkomunikasi. Kajian Seriyuna (2019) dan Mohd Hanafi (2006) menyatakan bahawa terdapat beberapa guru yang mengajar PPKI tidak mempunyai pengetahuan atau pengalaman asas berkaitan Pendidikan Khas seperti kaedah pengendalian dan komunikasi terhadap MOKUP. Kesannya, PdP tidak akan berjalan dengan lancar dan MOKUP tidak mendapat input yang sepatutnya. Oleh itu, pengalaman komunikasi merupakan satu faktor bagi mewujudkan komunikasi yang berkesan antara guru dan MOKUP.

Kaedah komunikasi yang efektif memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan MOKUP memperoleh pendidikan yang berkesan dan menyeluruh. Kajian Nguyen dan Patel (2021) menjelaskan bahawa kekurangan kaedah komunikasi yang efektif boleh menyebabkan MOKUP berasa terasing dan mengalami perkembangan yang terbantut dalam kemahiran komunikasi. Justifikasinya, murid memerlukan kaedah komunikasi yang bersesuaian dengan keperluan serta kelemahan mereka. Seterusnya, MOKUP sering mengalami kesukaran dalam komunikasi yang menghalang mereka daripada bertanya soalan dan memberi maklum balas di dalam kelas. Akibatnya, pencapaian akademik MOKUP terjejas. Oleh itu, kaedah komunikasi perlu ditekankan untuk memenuhi keperluan mereka (Alshumaimeri et al., 2021). Oleh yang demikian jelaslah bahawa pendekatan kaedah komunikasi perlu diambil kira untuk memastikan penglibatan dan kemajuan yang lebih baik bagi MOKUP.

Menurut Jamaludin (2023), pengkaji mendapati bahawa guru berdepan dengan kesukaran pengajaran disebabkan ketidakupayaan MOKUP seperti pendiam, mengasingkan diri, kurang bercakap, sering pasif dalam aktiviti berkumpulan serta kurang bergaul dengan kawan. Ini termasuk dalam cabaran komunikasi yang dihadapi oleh guru terhadap MOKUP dalam PdP. Hal ini disebabkan oleh MOKUP yang mempunyai tingkah laku yang pelbagai, guru sukar untuk berkomunikasi serta mengajar mereka. Kesannya, MOKUP akan menghadapi kesukaran untuk menyampaikan masalah yang dihadapi dalam pembelajaran. Lantaran itu, guru menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan gaya komunikasi dalam memahami MOKUP agak sukar dan mencabar.

Objektif Kajian

1. Meneroka pengalaman komunikasi guru terhadap PdP MOKUP.
2. Mengkaji kaedah komunikasi guru terhadap PdP MOKUP.
3. Mengenalpasti cabaran komunikasi yang dihadapi oleh guru terhadap PdP MOKUP.

Sorotan Literatur

Komunikasi merupakan elemen teras dalam membentuk hubungan antara individu dan masyarakat. Dalam konteks pendidikan, komunikasi bukan sahaja berperanan sebagai saluran penyampaian maklumat, tetapi juga sebagai medium membina kefahaman, empati dan interaksi yang berkesan antara guru dan murid. Menurut Jalaluddin (2010), komunikasi yang baik dalam bilik darjah mampu meningkatkan penglibatan pelajar dan memperkukuh keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Dalam pendidikan khas, keperluan untuk memahami dan menguasai kemahiran komunikasi menjadi lebih kritikal. Murid Orang Kurang Upaya Pembelajaran (MOKUP) sering berhadapan dengan pelbagai kekangan dari segi kognitif, bahasa dan sosial yang menyebabkan mereka memerlukan pendekatan komunikasi yang lebih bersifat sokongan dan responsif. Kajian oleh Alias dan Ahmad (2021) menekankan bahawa guru pendidikan khas perlu mempunyai pengetahuan khusus berkaitan strategi komunikasi alternatif dan augmentatif bagi memastikan PdP berjalan lancar dan berkesan.

Namun begitu, pelbagai kajian mendapati bahawa masih terdapat guru yang kurang pendedahan terhadap pendekatan pengajaran yang sesuai untuk MOKUP, terutamanya dalam aspek komunikasi. Seriayuna (2019) menunjukkan bahawa sebilangan guru arus perdana yang ditempatkan dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) menghadapi cabaran dalam menyesuaikan diri dengan keperluan pelajar berkeperluan khas, terutamanya dari segi komunikasi dua hala yang efektif.

Di samping itu, faktor seperti beban tugas guru, kekangan latihan profesional, dan kekurangan bahan bantu mengajar turut menjejaskan keberkesanan komunikasi dalam bilik darjah khas. Tambahan pula, menurut Rahman dan Musa (2021), kegagalan dalam memahami isyarat bukan lisan atau gaya komunikasi unik MOKUP boleh membawa kepada salah faham dan menjejaskan pembelajaran mereka.

Sehubungan itu, kajian-kajian lepas menyarankan agar latihan berterusan dalam bidang komunikasi pendidikan khas diberikan keutamaan. Ini termasuklah latihan dalam penggunaan bahasa isyarat, komunikasi visual, penggunaan teknologi bantuan dan pendekatan pedagogi berpusatkan murid.

Secara keseluruhan, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa komunikasi merupakan aspek penting dalam PdP MOKUP yang tidak boleh dipandang ringan. Terdapat keperluan mendesak untuk memperkukuhkan kompetensi komunikasi guru melalui latihan, sokongan dasar dan persekitaran yang inklusif bagi memastikan setiap murid, tanpa mengira keupayaan, mendapat hak pendidikan yang saksama dan bermakna.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian kes dengan menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian sebagai kaedah pengumpulan data. Menurut Creswell dan Poth (2021), kajian kualitatif adalah satu kajian untuk mendapatkan maklumat secara terperinci dan mendalam pada satu kawasan atau tempat yang kecil yang melibatkan individu dalam kawasan berkenaan sahaja. Bilangan informan yang ditemubual oleh pengkaji adalah 4 orang guru PPKI dari sebuah sekolah menengah di daerah Tanjong Karang. Jumlah ini ditetapkan oleh pengkaji kerana pengkaji mendapati bahawa data yang diperoleh telah mencapai pada tahap “redundancy” ataupun telah mencapai pada tahap tepu. Menurut Sugiyono (2013) & Norliza (2020), menggunakan konsep ketepuan data untuk menghentikan persampelan apabila

tema-tema utama dan pengalaman informan sudah tidak lagi memberikan maklumat baru yang ketara.

Pengkaji menggunakan instrumen temubual secara mendalam. Temubual mendalam merujuk kepada kaedah pengumpulan data yang dilakukan oleh pengkaji melalui interaksi langsung untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang pandangan, pengalaman dan persepsi informan terhadap sesuatu fenomena (Sidek, 2021). Hal ini disokong oleh Aqilah (2020) yang menyatakan kaedah ini membolehkan pengkaji untuk menerokai isu-isu yang kompleks dari perspektif informan. Kaedah temubual secara mendalam ini dijalankan oleh pengkaji sendiri terhadap informan untuk mengumpul data kajian kualitatif berkaitan Analisis Cabaran Komunikasi Guru Terhadap PdP MOKUP. Proses pengumpulan data kajian dilakukan secara temubual separa berstruktur (semi-structure) terhadap informan. Instrumen ini adalah sumber utama dalam kajian kualitatif.

Pengkaji menggunakan pemerhatian melalui penglibatan iaitu participant observation sebagai triangulasi data dalam kajian. Pemerhatian dibuat bertujuan untuk melihat, merasa, memaknai dunia dan memahami fenomena peristiwa yang berlaku di dalam proses PdP. Menurut Jamaludin (2020), beliau menggariskan bahawa pengkaji harus bijak dalam memahami konteks dan makna yang tersirat dalam tingkah laku dan kata-kata informan untuk menghasilkan analisis yang tepat dan berwibawa.

Dapatan Kajian

Kajian ini melibatkan 4 orang guru PPKI yang terpilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi mendapatkan maklumat tentang Analisis Cabaran Komunikasi Guru Terhadap PdP MOKUP. Semua informan adalah terdiri daripada guru PPKI yang mengajar di sebuah sekolah daerah Tanjong Karang. Bagi memenuhi objektif dan persoalan kajian, maklumat tentang Analisis Cabaran Komunikasi Guru Terhadap PdP MOKUP diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian. Profil informan yang terlibat dalam kajian kualitatif ini adalah seperti dijelaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Maklumat Profil Informan

Informan (INF)	Jantina	Umur	Pengalaman Mengajar
INF1	P	31 Tahun	2 Tahun
INF2	P	54 Tahun	32 Tahun
INF3	P	55 Tahun	20 Tahun
INF4	P	31 Tahun	4 Tahun

Sumber: Penulis

Pengalaman Komunikasi Guru Terhadap PdP MOKUP

Jadual 2: Hasil Dapatan Bagi Pengalaman Komunikasi Guru Terhadap PdP MOKUP

Tema	Subtema	INF
Komunikasi Linear	• Penggunaan Komunikasi Linear	• 1,2 dan 4
	• Keberkesanan Komunikasi Linear	• 2 dan 3
	• Tindak Balas Negatif Komunikasi Linear	• 1 dan 4
	• Penggunaan Komunikasi Linear Bukan Verbal (<i>Non-Verbal</i>)	• 2, 3 dan 4

	Keberkesanan Komunikasi Linear Bukan Verbal (<i>Non-Verbal</i>)	2, 3 dan 4
Komunikasi Transaksional	Penggunaan Komunikasi Transaksional	Semua INF
	Keberkesanan Komunikasi Transaksional	1, 2 dan 4
	Tindak Balas Negatif Komunikasi Transaksional	1 dan 4
Komunikasi Interaksional	Penggunaan Komunikasi Interaksional	2, 3 dan 4
	Keberkesanan Komunikasi Interaksional	2 dan 3
Komunikasi Berpusatkan Murid	Penggunaan Komunikasi Berpusatkan Murid	Semua INF

Terdapat lima subtema yang dihasilkan di bawah tema komunikasi linear iaitu penggunaan komunikasi linear, keberkesanan komunikasi linear, tindak balas negatif komunikasi linear, penggunaan komunikasi linear bukan verbal (*non-verbal*) dan keberkesanan komunikasi linear bukan verbal (*non-verbal*).

Pengkaji mendapati bahawa guru menggunakan komunikasi linear semasa pengalaman komunikasi mereka terhadap PdP MOKUP. INF1 dan INF2 memberi hujah bahawa mereka menggunakan komunikasi secara satu hala untuk memulakan pengajaran mereka. Huraianya iaitu INF1: *"Bila masuk kelas, kita kena explain satu-satu, nak kena terangkan semua dulu sebelum bagi aktiviti"*. Di samping itu, INF4 juga menyokong dengan memberi kenyataan, INF4: *"Biasanya kita akan bagitahu secara overall dulu..."*. Penggunaan komunikasi linear dapat memberi kesan yang positif berdasarkan pernyataan INF2 dan INF3 iaitu INF2: *"...tapi dia kadang faham dengan arahan kita. Kalau kita suruh duduk, dia akan duduk"*. Pernyataan ini turut disokong oleh INF3 iaitu INF3: *"Kalau murid yang boleh menerima ni banyaknya okey je, takde masalah..."*. Namun begitu, penggunaan komunikasi linear juga kurang membantu guru dalam berkomunikasi dengan MOKUP. Ini dibuktikan bahawa INF1 dan INF4 iaitu INF4: *"Kadang-kadang kita cakap mula-mula tu, dorang faham, tapi tiba-tiba tak faham"*.

Oleh itu, dapat dirumuskan murid tidak dapat memahami apabila guru menerangkan tetapi dapat menerima arahan dengan baik. Pengkaji juga mendapati bahawa penggunaan komunikasi linear secara bukan verbal banyak digunakan oleh guru PPKI bagi mengekspresikan perasaan dan emosional guru kepada MOKU. Pernyataan INF2: *"Budak yang tak boleh menerima arahan, kita kena berinteraksi dengan tubuh badan dan mimik muka"* turut disokong oleh INF3 dan INF4 iaitu INF3: *"Kadang saya nak dorang tahu saya tengah marah, saya acah-acah koyakkan kertas untuk tunjukkan ekspresi saya tengah marah"*. Penggunaan komunikasi linear bukan verbal ini berkesan dan dapat difahami oleh murid. Pernyataan ini dihuraikan oleh INF2 iaitu INF2: *"Bila kita buat mimik muka marah, ouh dia tahu kita tengah marah. Kalau kita cakap biasa, respon dia nothing"*. Keberkesanan ini juga berlaku kepada INF3 yang turut menggunakan komunikasi linear bukan verbal iaitu INF3: *"Dorang akan takut dan buat kerja yang kita suruh"*. Oleh yang demikian, penggunaan serta keberkesanan komunikasi linear bukan verbal (*non-verbal*) boleh digunakan oleh guru untuk memberi kefahaman yang menyeluruh kepada MOKU.

Terdapat tiga subtema yang dihasilkan di bawah tema komunikasi transaksional iaitu penggunaan komunikasi transaksional, keberkesanan komunikasi transaksional dan tindak balas negatif komunikasi transaksional. Penggunaan komunikasi transaksional lebih banyak

digunakan oleh informan kerana informan ingin memastikan sejauhmana kefahaman MOKU apabila mereka mengajar sesuatu tajuk. Pengkaji mendapati bahawa INF1, INF2, INF3 dan INF4 menggunakan komunikasi transaksional. Huraianannya ialah INF2: “...tanyalah apa yang mereka buat semalam dan hari ini”. Pernyataan INF2 juga turut disokong oleh INF4: “Keep on tanya dorang faham tak?”. Keberkesanan MOKU dalam memberi maklum balas terhadap komunikasi transaksional adalah memuaskan. Pernyataan INF4: “...tapi ada budak yang tahu tu, kita akan suruh dia diam sekejap. Bagi peluang kepada budak-budak yang senyap ni untuk bercakap”. INF4 menyatakan bahawa segelintir MOKU dapat memberi maklum balas secara aktif sehingga tidak memberi peluang kepada rakan sekelasnya. Pernyataan ini disokong oleh INF1 iaitu INF 1: “Ada yang krik-krik, tak jawab. Ada yang tahu tu mungkin dalam 2 ke 3 orang”. Walaupun maklum balas daripada MOKU agak memuaskan, INF2 menyatakan bahawa MOKU memberi maklum balas yang kurang memuaskan seperti tidak memberi sebarang maklum balas dan reaksi semasa komunikasi transaksional digunakan dalam proses PdP. Pernyataannya, INF2: “Saya mengajar kumpulan yang tak pandai membaca bukan satu perkara mudah, akan ada budak yang taknak bercakap, bila panggil dia tak respon”.

Pengkaji mendapati bahawa dua subtema terbentuk di bawah tema komunikasi interaksional iaitu penggunaan komunikasi interaksional dan keberkesanan komunikasi interaksional. Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa INF2, INF3 dan INF4 menggunakan komunikasi interaksional. Buktinya, INF3: “Kita bagi satu tajuk lepastu kita bincang”. Pernyataan ini turut disokong INF4: “mengikut kesesuaian la juga”. Penggunaan ini digunakan kerana guru mendapati bahawa MOKU berminat dalam menceritakan tentang isu-isu semasa berkaitan dengan situasi mereka. Pernyataan ini dibuktikan dengan INF2: “Mereka ni suka bersembang benda-benda isu semasa”. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa MOKU memberikan tindak balas apabila informan menggunakan komunikasi interaksional seperti yang dinyatakan oleh INF3 iaitu INF3: “Respon murid-murid ni okay dan bagus”. Pernyataan ini turut disokong oleh INF2, INF2: “Dorang suka bersembang santai, dari situ kita boleh korek dan kita boleh tahu kehidupan budak tu”. Jelaslah bahawa komunikasi interaksional boleh digunakan bagi mencapai komunikasi antara guru dan MOKU.

Kaedah Komunikasi Guru Terhadap PdP MOKUP

Jadual 3: Hasil Dapatan Bagi Kaedah Komunikasi Guru Terhadap PdP MOKUP

Tema	Subtema	INF
Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM)	• Buku Teks	• 2 dan 4
	• Aktiviti Mengikut Tahap	• Semua INF
	• Kemahiran	• 1, 2 dan 3
Pengetahuan dan Pengalaman Sedia Ada Murid	• Perkaitan Terhadap Pengetahuan dan Pengalaman Murid	• Semua INF
Kaedah Pengulangan	• Penggunaan Kaedah Pengulangan	• 1, 3 dan 4
Teknik Cuba-Jaya (Try and Error)	• Penggunaan Teknik Cuba-Jaya (Try and Error)	• 1, 3 dan 4
Teknik Berfokuskan Individu (One On One)	• Penggunaan Teknik Berfokuskan Individu (One On One)	• 2, 3 dan 4
Kaedah Penilaian	• Ujian Bertulis	• 2 dan 3

• Ujian Lisan	• 1 dan 4
• Latihan dan Kemahiran	• 1 dan 4
• Pemerhatian	• 1 dan 3

Sumber: Penulis

Dapatan kajian berikutnya pada Jadual 3 berkaitan dengan mengkaji kaedah komunikasi guru terhadap PdP MOKUP. Kaedah komunikasi yang digunakan oleh guru telah dipecahkan kepada enam tema berdasarkan Model PdP Robert Glaser yang digunakan oleh pengkaji. Antara tema yang dihasilkan oleh pengkaji melalui kajian yang dijalankan ialah penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) dan Bahan Bantu Mengajar (BBM), pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid, kaedah pengulangan, teknik cuba-jaya (*try and error*), teknik berfokuskan individu (*one on one*) dan kaedah penilaian.

Terdapat tiga subtema yang dihasilkan di bawah tema penggunaan ABM dan BBM iaitu buku teks, aktiviti mengikut tahap dan kemahiran (*skills*). Pengkaji mendapati bahawa semua informan menggunakan buku teks kecuali INF1. Buku teks dijadikan sebagai penggunaan ABM dan BBM bagi informan sebagai kaedah komunikasi guru terhadap PdP MOKUP. Buktinya, INF2: *"Sebelum ni saya mengajar sama je, saya mengajar guna buku teks"*. Pernyataan ini turut disokong oleh INF3 dan INF4 iaitu INF4: *"Biasanya saya banyak mengajar yang KS. So, banyak refer buku teks la"*. Selain itu, didapati bahawa semua informan menggunakan aktiviti mengikut tahap terhadap MOKUP sebagai ABM dan BBM dan ini merupakan kaedah komunikasi yang digunakan oleh informan untuk berkomunikasi dengan MOKUP. Contohnya, INF2: *"Saya kena create kan 2 aktiviti yang berbeza dan sesuai dengan dorang"*. INF2 menyatakan bahawa aktiviti perlu disesuaikan mengikut tahap MOKUP tersendiri. Ini disokong oleh INF3 iaitu INF3: *"Cumanya macam latihan dalam kelas tu kita kena buat satu tahap rendah satu lagi tahap sederhana"*. Aktiviti mengikut tahap perlu dilakukan dan perlu dipelbagaikan kerana MOKUP boleh menjadi bosan seperti pernyataan daripada INF1 yang menyatakan INF1: *"...tak mungkin juga nak bagi aktiviti yang sama sebab dorang cepat bosan dan taknak buat"*. Oleh itu, aktiviti mengikut tahap digunakan oleh informan sebagai kaedah komunikasi guru terhadap PdP MOKUP. Seterusnya, INF2: *"KS ada kelas pembuatan roti dan pertanian, saya mula-mula mengajar pembuatan roti"*. INF2 menyatakan bahawa MOKUP mempunyai kelas pembuatan roti dan pertanian untuk MOKUP kefungsi sederhana bagi mengasah kemahiran serta komunikasi semasa proses PdP manakala MOKUP bagi kefungsi rendah pula mempunyai kelas manik. Ini dibuktikan oleh INF1 iaitu INF1: *"Low function dah tak boleh belajar secara teori, jadinya ada kelas manik..."*. Pernyataan INF2 dan INF1 turut disokong oleh INF3, INF3: *"KR ni kita ajar hias manik dan asas pertanian mengikut SKM Modular"*.

Pengkaji mendapati bahawa satu subtema terbentuk di bawah tema pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid iaitu perkaitan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid. Pengkaji mendapati bahawa INF1, INF2, INF3 dan INF4 menggunakan perkaitan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid. Sebagai contoh, INF2: *"...macam saya ajar tentang kesihatan, saya akan tanya. Contoh, siapa yang pernah merokok?"*. INF2 menyatakan bahawa mengaitkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid dapat menggalakkan komunikasi MOKUP dan dapat dijadikan sebagai kaedah komunikasi. Ini dapat disokong oleh INF3 dan INF4 iaitu INF3: *"Jadinya, kita boleh kaitkan banyak tentang persekitaran yang umum je la, yang sepatutnya dorang tahu"*.

Pengkaji mendapati bahawa satu subtema telah dihasilkan oleh pengkaji iaitu penggunaan kaedah pengulangan sebagai kaedah komunikasi guru terhadap PdP MOKUP. Kaedah komunikasi yang digunakan oleh guru adalah penggunaan kaedah pengulangan. INF1 menyatakan bahawa INF1: *"Kena tanya lagi, kena ajar lagi, buat pengulangan sebab dekat sini banyak gunakan pengulangan, dorang kan lambat untuk catch up"*. Pengkaji mendapati bahawa INF1 menggunakan kaedah pengulangan kerana MOKUP lemah dalam menerima pelajaran yang diajarkan oleh guru. Selain itu, INF3 dan INF4 juga menyokong iaitu INF4: *"...tapi kalau hari ni tak dapat, esok kita ulang-ulang balik"*. Oleh itu, guru PPKI dapat menggunakan kaedah pengulangan sebagai kaedah komunikasi terhadap PdP MOKUP.

Pengkaji mendapati bahawa satu subtema telah dihasilkan di bawah tema teknik cuba-jaya (*try and error*) oleh pengkaji iaitu penggunaan teknik cuba-jaya (*try and error*) sebagai kaedah komunikasi guru terhadap PdP MOKUP. Pengkaji mendapati bahawa INF1, INF3 dan INF4 menggunakan teknik cuba-jaya (*try and error*). INF1 menyatakan INF1: *"...kita kena try and error la dan baiki dari segi ABM ke pengajaran ke komunikasi ke"*. Pengkaji mendapati bahawa INF1 menjelaskan penggunaan teknik cuba-jaya (*try and error*) dari segi mempelbagaikan ABM, pengajaran dan komunikasi. Pernyataan ini turut disokong oleh INF3 dan INF4 iaitu INF4: *"Kalau kita cuba guna komunikasi ni tak sesuai, kita guna yang macam ni. Kalau dua atau tiga orang sesuai, kita akan buat"*. Oleh itu, penggunaan teknik cuba-jaya dapat digunakan di dalam PdP.

Pengkaji mendapati bahawa satu subtema telah dihasilkan di bawah tema teknik berfokuskan individu (*one on one*) oleh pengkaji iaitu penggunaan tema teknik berfokuskan individu (*one on one*). Di samping itu, penggunaan teknik berfokuskan individu (*one on one*) juga digunakan oleh informan sebagai kaedah komunikasi terhadap PdP MOKUP. Pengkaji mendapati bahawa INF2, INF3 dan INF4 menggunakan teknik berfokuskan individu. Buktinya, INF2: *"Kumpulan yang boleh membaca diberi latihan, kumpulan yang tak pandai membaca saya fokus satu-satu"*. Selain itu, INF3 dan INF4 menjelaskan INF4: *"Kalau yang tak dapat ni kita one by one pula, kena satu-satu..."*. Ini menjelaskan bahawa mereka menggunakan teknik berfokuskan individu dalam memperbaiki komunikasi MOKUP semasa PdP berlangsung.

Terdapat tiga subtema yang dihasilkan di bawah tema kaedah penilaian iaitu ujian bertulis, ujian lisan, latihan dan kemahiran serta pemerhatian sebagai kaedah komunikasi guru terhadap PdP MOKUP. Hasil temubual melaporkan bahawa INF2 dan INF3 menggunakan ujian bertulis sebagai kaedah penilaian bagi menggalakkan MOKUP untuk berkomunikasi secara linear bukan verbal. Menurut INF2: *"Sini ada buat peperiksaan juga, peperiksaan mengikut tahap mereka"*. INF2 menjelaskan bahawa peperiksaan digunakan mengikut tahap MOKUP tersebut. Seterusnya, INF3 juga menyatakan bahawa INF3: *"Peperiksaan juga, ikut silibus dorang, ikut pengajaran yang dah diajarkan"*. Salah satu kaedah penilaian yang digunakan oleh informan adalah ujian lisan. Pengkaji mendapati bahawa INF1 dan INF4 menggunakan lisan sebagai kaedah penilaian. Buktinya, INF1: *"Ada peperiksaan juga tapi sebenarnya mostly melalui lisan"*. Pernyataan selain INF1 iaitu INF4 iaitu INF4: *"Ujian yang saya buat adalah ujian lisan dan ujian amali la"*. Oleh itu, ujian lisan juga adalah salah satu kaedah penilaian yang menggalakkan MOKUP dalam berkomunikasi. Dalam sesi temubual, INF1 dan INF4 menggunakan latihan dan kemahiran. Contoh petikan temubual bagi menjelaskan dapatan kajian ini ialah INF1: *"tapi sebenarnya apa yang kita tengok PPKI ni lebih kepada kemahiran"* dan pernyataan ini disokong oleh INF4 iaitu INF4: *"Biasanya kita bagi latihan je, kadang kita bagi dorang worksheet then kita bagi dorang buatlah..."*. Pemerhatian sebagai salah satu kaedah komunikasi yang digunakan oleh informan. Informan menyatakan bahawa pemerhatian

dinilai melalui kelas latihan dan kemahiran atau dari segi sikap dan tingkah laku MOKUP. Contoh petikan adalah INF1: *“Penilaian Asas Standard Menengah (PASM) untuk PPKI, yang tu kita nilai dari segi contoh macam mana nak makan, kena beratur, nilai dari segi sikap, amalan baik”*. Seterusnya, contoh petikan yang menunjukkan bahawa guru membuat pemerhatian terhadap latihan dan kemahiran adalah seperti INF3: *“Kalau macam pembuatan roti tu ada pemerhatian dan teori”*.

Cabaran Komunikasi Guru Terhadap PdP MOKUP

Jadual 4: Hasil Dapatan Bagi Cabaran Komunikasi Guru Terhadap PdP MOKUP

Tema	Subtema	INF
Ketidakhafahaman Komunikasi Murid	• Guru Tidak Mengetahui Keperluan Murid	• 2 dan 3
Pengulangan Pengajaran	• Kekerapan Pengulangan Pengajaran	• 4
Kesuntukan Masa	• Menerangkan Pengajaran	• 1 dan 2
	• Perlaksanaan Rancangan Pengajaran Individu (RPI)	• 2

Source: Penulis

Jadual 4 mendapati bahawa dapatan kajian mengenai mengenalpasti cabaran komunikasi guru terhadap PdP MOKUP. Cabaran komunikasi yang dikenalpasti oleh pengkaji telah dipecahkan kepada empat tema yang digunakan oleh pengkaji. Antara tema yang dihasilkan oleh pengkaji melalui kajian yang dijalankan ialah ketidakhafahaman komunikasi murid, pengulangan pengajaran, kekurangan guru dan kesuntukan masa.

Pengkaji mendapati bahawa cabaran komunikasi guru adalah disebabkan oleh kefahaman komunikasi MOKUP. Guru tidak dapat memahami informasi yang ingin disampaikan oleh MOKUP. Pernyataan ini dinyatakan oleh INF2 iaitu INF2: *“Cabarannya bila budak tu tak bercakap, bila kita bercakap dia no respond dan muka dia pun takde apa-apa expression, kita tak tahu apa dia nak”*. Informan tidak tahu keperluan dan kemahuan MOKUP apabila informan berkomunikasi dengan MOKUP. Pernyataan ini turut disokong oleh INF3 iaitu INF3: *“Kita tak faham bahasa dia. Jadi, kita tak tahu apa yang dia nak”*. Oleh itu, guru PPKI berdepan dengan cabaran dalam memahami komunikasi MOKUP semasa PdP dijalankan.

Tema pengulangan pengajaran mempunyai satu subtema iaitu kekerapan pengulangan pengajaran. Kekerapan pengulangan pengajaran dijadikan sebagai satu cabaran yang dihadapi oleh informan. Menurut INF4 iaitu INF4: *“Cabaran saya adalah kena ulang benda yang sama dekat budak”*. Berdasarkan temubual yang dibuat, pengkaji mendapati bahawa INF4 menyatakan emosi beliau dengan mengekspresikan kepenatan dalam kerap mengulangi pengajaran.

Terdapat dua subtema yang dihasilkan di bawah tema kesuntukan masa iaitu menerangkan pengajaran dan perlaksanaan Rancangan Pengajaran Individu (RPI). Berdasarkan dapatan temu bual, INF1 dan INF2 menyatakan bahawa mereka mengalami kesuntukan masa dalam menerangkan pengajaran. Contoh petikan, INF1: *“Kadang kita masuk 40 minit tu, tak sempat pun nak bagi aktiviti sebab habiskan masa untuk memahami dorang”*. Pernyataan ini turut

disokong oleh INF2: *“satu hari tu belum tentu akan habis dorang ni”*. Cabaran yang dihadapi oleh informan adalah mereka mengalami kesuntukan masa dalam melaksanakan RPI. INF2 menyatakan bahawa INF2: *“...tapi sekarang tak dapat buat macam tu sebab apa? Sebab jadual terlalu padat, masa yang suntuk, kekurangan guru dan kekurangan kelas, so RPI tak dapat dijalankan”*. Oleh itu, pelaksanaan RPI tidak dapat dijalankan kerana jadual kelas yang terlalu padat mengakibatkan kekurangan masa untuk melaksanakan RPI.

Kesimpulan

Usaha dalam menekankan kepentingan fleksibiliti dan penyesuaian komunikasi yang pelbagai secara tidak langsung menyokong serta memberi sumbangan kepada guru-guru PPKI. Selain itu, usaha ini merupakan inovasi ke arah membantu MOKUP dalam memahami dan menguasai konsep yang dipelajari serta memberi peluang kepada mereka untuk terlibat secara aktif dalam PdP. Usaha ini sedikit sebanyak membuka mata masyarakat tentang kepentingan, peranan dan tanggungjawab guru PPKI sekaligus mengambil cakna dalam pendidikan MOKUP.

Analisis cabaran komunikasi guru terhadap PdP MOKUP menunjukkan bahawa walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk memperbaiki interaksi antara guru dan MOKUP tetapi masih terdapat halangan yang ketara. Sungguhpun begitu, cabaran-cabaran komunikasi guru terhadap PdP MOKUP telahpun dikenalpasti namun, penyelesaian yang efektif masih belum ditemui. Menurut Abdullah dan Zakaria (2022), menekankan bahawa walaupun terdapat peningkatan dalam sokongan terhadap MOKUP, cabaran dalam penyediaan infrastruktur yang sesuai masih menjadi isu besar. Ini menunjukkan bahawa usaha yang lebih mendalam dan berterusan diperlukan untuk mengatasi cabaran-cabaran ini bagi memastikan MOKUP mendapat pengalaman pembelajaran yang lebih inklusif dan efektif.

Rujukan

- Abdullah, F., & Zakaria, N. A. (2022). Cabaran Infrastruktur Dalam Pendidikan Khas: Isu dan Penyelesaian. *Jurnal Pendidikan Khas Malaysia*, 12(2), 88–100.
- Ahmad, M. (2023). Komunikasi linear dan implikasinya terhadap interaksi murid: Satu kajian dalam pendidikan khas. *Jurnal Pendidikan Khas Malaysia*, 15(2), 120–132.
- Ahmad, M., & Aziz, N. (2022). Pendekatan berpusatkan murid dalam pendidikan khas: Implikasi terhadap penglibatan dan pemahaman murid. *Jurnal Kajian Pendidikan Khas*, 8(2), 90–104.
- Alias, A., & Ahmad, A. (2021). Kesedaran Guru Pendidikan Khas Terhadap Latihan Berkaitan Autisme. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 113–118.
- Alshumaimeri, Y., Alghamdi, A., & Alzahrani, M. (2021). The Importance of Communication Strategies in Special Education: Addressing the Needs of Students with Learning Disabilities. *Journal of Inclusive Education*, 14(2), 112–130.
- Aqilah, N. (2020). Kaedah Temubual Dalam Kajian Kualitatif: Menerokai Isu-Isu Kompleks Dari Perspektif Informan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Sosial*, 12(3), 89–97.
- Brussino, O. (2020). *Key Policy Issues for Inclusive Education: Evidence from International Practices* (OECD Education Working Papers No. 232). OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/1b7fce6c-en>
- Cholleng, N., & Alias, A. (2022). Halangan utama guru pendidikan khas menjalankan pengajaran dalam talian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001530. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1530>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2021). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Ismail, A., & Lee, C. (2024). Penyesuaian fokus individu dalam pendidikan: Implikasi terhadap pencapaian akademik murid. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 25–38.
- Jalaluddin, N. H., (2010). Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(3), 67–87. <https://doi.org/10.17576/GEMA-2010-1003-05>
- Jalaluddin, N. S., & Tahar, M. M. (2022). Pelaksanaan pendidikan inklusif dalam kalangan guru arus perdana. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1257>
- Jamaludin, K. A. (2020). Memahami Konteks dan Makna Dalam Kajian Kualitatif: Pendekatan Pengkaji Terhadap Analisis Data. *Jurnal Penyelidikan Kualitatif Malaysia*, 7(2), 56–70.
- Jamaludin, N. (2023). Cabaran Guru Dalam Pengajaran MOKUP: Kesukaran Komunikasi dan Penglibatan Sosial. *Jurnal Kajian Pendidikan Khas Malaysia*, 18(1), 101–117.
- Liew, H. (2022). Penilaian berterusan sebagai strategi meningkatkan keupayaan guru dalam menyesuaikan pengajaran: Kajian dalam konteks pendidikan khas. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Khas Asia Tenggara*, 11(3), 67–82.
- Mohd Hanafi, H. (2006). Cabaran Guru Dalam Pendidikan Khas: Pengetahuan dan Pengalaman Asas. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 31(2), 89–102.
- Mohd Rosman Salubin, Mohd. Hanafi Mohd. Yasin, & Mohd. Mokhtar Tahar. (2009). Pembinaan sistem sokongan untuk pelajar berkeperluan khas bermasalah pembelajaran: Satu kajian kes di sebuah sekolah menengah di Negeri Johor. *Prosiding Seminar Serantau Pendidikan Inklusif dan Kanak-kanak Berkeperluan Khas*, Bangi, Selangor.
- Nguyen, L., & Patel, S. (2021). Communication Challenges in Special Education: Addressing the Needs of Students With Learning Disabilities. *Journal of Communication Disorders*, 19(1), 78–94.

- Norliza, M. (2020). Ketepuan Data Dalam Kajian Kualitatif: Penentuan Bilangan Informan. *Jurnal Penyelidikan Sosial dan Pendidikan*, 5(2), 113–125.
- Rahim, R. (2023). Pengulangan sebagai strategi memperkuat ingatan dan pemahaman dalam kalangan MOKUP. *Jurnal Pendidikan dan Psikologi Khas*, 7(2), 112–125.
- Ramlah, R., Ismail, H., & Abdullah, S. (2022). Cabaran komunikasi interaksional dalam kalangan MOKUP: Satu tinjauan. *Jurnal Komunikasi dan Pendidikan Khas*, 10(3), 45–58.
- Roslan, S., Ismail, Z., Jusoh, A. J., & Yusof, R. (2006). Kanak-Kanak Dengan Keperluan Pendidikan Khas: Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Khas*, 8(1), 45–56.
- Salleh, R., & Woollard, J. (2021). Pelan Pembangunan Pendidikan (2020–2025): Penyediaan Kemudahan dan Sokongan Pendidikan Berterusan Bagi Murid Orang Kurang Upaya Pembelajaran (MOKUP). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(2), 123–136.
- Seriyayuna, S. (2019). Pengalaman Guru PPKI: Pengetahuan dan Kekurangan Dalam Pendidikan Khas. *Jurnal Pendidikan Khas Asia Tenggara*, 6(1), 23–35.
- Sidek, R. M. (2021). Temubual Mendalam: Kaedah Pengumpulan Data Dalam Kajian Kualitatif. *Jurnal Kajian Kualitatif Malaysia*, 9(1), 34–48.
- Sugiyono. (2013). *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D*. Alfabeta.
- Williams, G. L., Smith, J., & Brown, T. (2021). Effective Communication in Inclusive Classrooms: Ensuring Mutual Understanding. *Journal of Special Education Studies*, 12(3), 45–60.
- Zaid, M., Osman, H., & Zakaria, F. (2020). Pendekatan berpusatkan murid dalam pendidikan khas: Keberkesanan dan cabaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(4), 78–91.
- Zainal, A., Khalid, N., & Latif, R. (2021). Keberkesanan pendekatan berpusatkan murid dalam menangani keperluan pembelajaran: Satu kajian dalam pendidikan khas. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Khas*, 13(1), 25–40.